

## PROGRAM PEMBERIAN GERAN BANTUAN BIMBINGAN USAHAWAN ORANG ASLI JABATAN KEMAJUAN ORANG ASLI

### TUJUAN BANTUAN

Tujuan Pemberian Geran Bantuan Bimbingan Usahawan Orang Asli oleh JAKOA ini ialah untuk mempercepatkan pembangunan dan kemajuan Usahawan Orang Asli dalam pelbagai bidang supaya matlamat dan objektif berikut akan tercapai :-

- Meningkatkan bilangan Usahawan Orang Asli di dalam pelbagai bidang perusahaan dan industri kecil.
- Mempelbagaikan dan meningkatkan kualiti produk Orang Asli supaya dapat menembusi pasaran.
- Melahirkan Usahawan Orang Asli yang berkualiti, mempunyai daya saing dan berdaya maju seiring dengan pengusaha dari kaum lain.
- Memberi bantuan dan khidmat nasihat kepada Usahawan Orang Asli dalam pelbagai bidang perniagaan.

### BENTUK BANTUAN DAN KADAR BANTUAN

Konsep Pemberian bantuan ini adalah merupakan Bantuan Secara Bersyarat atau Pemberian Terus (*Outright grant*) seperti berikut :-

- Membina premis perniagaan termasuk bengkel jumlah keseluruhan tidak melebihi **RM 50,000.00** sebagai Pemberian Bersyarat yang tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan;
- Peralatan dan mesin ringan tidak melebihi **RM30,000.00** daripada jumlah keseluruhan sebagai Pemberian Bersyarat yang tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan.



BANTUAN PREMIS PERNIAGAAN

### SYARAT PERMOHONAN

- i. Individu Orang Asli atau Kumpulan Orang Asli sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen 3 Akta 134, Akta Orang Asli;
- ii. Pemohon hendaklah berumur 18 tahun ke atas;
- iii. Permohonan bantuan hendaklah disertai dengan kertas kerja lengkap;
- iv. Pemohon hendaklah telah memulakan perniagaan sekurang-kurangnya enam (6) bulan dari tarikh permohonan;

### KEUTAMAAN PEMILIHAN:

- Menjalankan perniagaan secara sepenuh masa;
- Mempunyai lesen atau permit perniagaan yang sah;
- Pemohon yang tidak pernah menerima bantuan di bawah program ini dan telah menunjukkan prestasi projek berkenaan, sebelum bantuan tambahan dapat dipertimbangkan.

### PERTANYAAN

- Pejabat JAKOA Daerah;
- Pejabat JAKOA Negeri;
- Unit Pembangunan Usahawan Orang Asli, Ibu Pejabat Kuala Lumpur



BANTUAN PERALATAN PERNIAGAAN